

# Demikianlah Bahasa Melayu Diislamkan...

## Kedatangan Islam yang Merevolusikan

Kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mengubah segala-galanya. Fakta sejarah ini terlalu sukar untuk dinafikan, apatah lagi menolaknya. Malah, fakta sejarah ini juga telah menjadi hakikat sejarah Alam Melayu.

Begitulah kesimpulan yang kita peroleh apabila kita mengkaji kesan kemasukan Islam ke Nusantara. Islam telah merevolusikan segenap sudut tatahidup lahiriah dan batiniah masyarakat Melayu.

Salah satu kesannya yang paling terserlah ialah pengislaman bahasa Melayu. Demikian berakarnya citra Islam terhadap bahasa Melayu telah menjadikannya sebagai "rumah" yang di dalamnya dihuni jiwa umat Melayu. Keadaan bahasa Melayu tatkala bernaung di bawah panji Islam ternyata lebih bitara berbanding dengan keadaan sebelumnya yang bersifat pinggirang yang mungkin hanya terbatas di Sumatera dan Semenanjung.

## Makna Pengislaman Bahasa

Apakah yang dimaksudkan dengan pengislaman bahasa? Pengislaman bahasa ialah suatu proses penyerapan makna dan istilah. Hasil proses ini ialah penayangan pandangan alam Islam dalam sesebuah bahasa. Bahasa berkenaan pada asalnya tidaklah menayangkan pandangan alam Islam, tetapi akhirnya berupaya menayangkan hakikat tersebut. Hal ini disebabkan bahasa berkenaan menerapkan mesra makna dan istilah yang di dalamnya terkandung pembawaan hakikat

pandangan alam Islam.

Proses yang sedemikianlah yang juga singgah pada bahasa Melayu. Pengaruh Islam telah menyebabkan bahasa Melayu mengandungi pembawaan makna dan istilah yang akarnya menjunam kemas pada lahan tasawur Islam. Pohon menghijau yang menghasilkan buah yang enak dikecap mencerminkan wajah baharu bahasa Melayu yang terbit daripada lahan pengislaman tersebut. Wajah baharu bahasa Melayu ini memperlihatkan keayuan suatu bahasa yang bersifat mantik, lantas membaikkannya dengan makna *hayawun al-natiq*, atau "haiwan yang berkata-kata".

## Jalur Pengislaman Bahasa

Jikalau diperhatikan peristiwa pengislaman bahasa Melayu, setidak-tidaknya dapat dibayangkan bahawa adanya suatu proses umum yang mendasarinya. Yang dimaksudkan dengan proses ini ialah telah berlaku dua jalur yang mencorakkan peristiwa pengislaman bahasa Melayu, iaitu jalur pertama, pengislaman makna, dan jalur kedua, penyerapan istilah.

Keberadaan kedua-dua jalur ini sangat nyata. Keberadaannya juga boleh dikatakan sebagai suatu proses umum yang berlaku dalam mana-mana bahasa pun. Proses umum terjadi apabila bahasa berkenaan berdepan dengan bahasa yang lebih dominan dari segi prestij dan pembawaan kebudayaannya.

Jalur pertama ialah pengislaman makna. Hal ini disebabkan perjalanan peristiwanya dicorakkan oleh perubahan dalam dimensi makna sesebuah perkataan. Perkataan bahasa asal tetap dikekalkan bentuk zahinya (bunyi dan huruf).

Sebaliknya, yang berubah ialah inti atau pengertian atau pemahaman makna sesebuah perkataan.

Dapat dikatakan bahawa perubahan yang berlaku melibatkan kedua-dua dimensi makna, iaitu penyempitan makna dan peluasan makna. Hal ini dikatakan demikian kerana disebabkan pengislaman bahasa, terdapat perkataan dalam bahasa Melayu yang mengalami penyempitan makna dan peluasan makna. Jalur kedua pula lebih bermaksud penyerapan perkataan bahasa lain (bahasa sumber) ke dalam bahasa (bahasa sasaran). Misalnya, bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Walaupun terdapat dua jalur yang setiap satunya kelihatan mengambil laluan berbeza, namun kedua-duanya tetap terkamir pada hujungnya. Seperti yang ditakrifkan Syed Muhammad Naquib al-Attas, tidak kira sama ada jalur pertama atau kedua, jalur-jalur tersebut tetap berakhir pada penayangan pandangan alam Islam.

Dua jalur yang mencorakkan peristiwa pengislaman bahasa Melayu terbayang dalam huraiian seorang ilmuwan bitara Alam Melayu, iaitu Syekh Ahmad al-Fathani. Ketika menjawab pertanyaan yang diajukan oleh murid-muridnya dari Kemboja, beliau menjelaskan dengan panjang lebar tentang kekeliruan penggunaan istilah dan tatacara peristilahan dalam ilmu ketuhanan. Dalam penjelasannya, beliau dengan secara tidak langsung menyentuh cara-cara sesebuah perkataan diislamkan. Menurut beliau, dalam hal pengislaman istilah tauhid, hal yang pertama berlaku ialah pengislaman makna. Kemudian, baharulah penyerapan istilah.

Dalam hal bahasa Melayu Cam misalnya, beliau menegaskan

Batu bersurat Jawi yang paling awal ditemui setakat ini, iaitu batu bersurat Terengganu, bertarikh 1303M, masih mengekalkan penggunaan istilah “dewata mulia raya” bagi merujuk Allah.

Demikian juga dalam hikayat yang dikatakan paling awal dikarang (antara 1400-1520M), iaitu *Hikayat Raja Pasai*, tetap menggunakan kata “ada” untuk makna “ada secara inderawi” dan “ada yang melampaui cerapan inderawi”.

pengislaman makna berlaku melalui pendidikan. Dengan cara ini, makna baharu yang bertepatan dengan pandangan alam Islam diperkenalkan dan dimasukkan ke dalam makna sesebuah perkataan yang pada asalnya tidak memilikinya. Lama-kelamaan, makna baharu yang diserapkan ke dalam bahasa itu menjadi suatu kelaziman, lantas dipakai oleh semua penuturnya.

Penyerapan pula berlaku tatkala didapati tiada perkataan bahasa natif yang mampu menayangkan makna yang tepat yang dapat menuturi pandangan alam Islam. Perkataan berkenaan, jikalau dipakai juga, dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan faham. Dalam situasi yang sedemikianlah berlakunya jalur yang kedua, iaitu penyerapan perkataan bahasa sumber.

### Bukti Lain

Menoleh ke belakang pada catatan sejarah yang lebih luas, lebih-lebih lagi pada etimologi sesebuah perkataan, juga menunjukkan keberadaan dua jalur yang dinyatakan.

Batu bersurat Jawi yang paling awal ditemui setakat ini, iaitu batu bersurat Terengganu, bertarikh 1303M, masih mengekalkan penggunaan istilah “dewata mulia raya” bagi merujuk Allah.

Demikian juga dalam hikayat yang dikatakan paling awal dikarang (antara 1400-1520M), iaitu *Hikayat Raja Pasai*, tetap menggunakan kata “ada” untuk makna “ada secara inderawi” dan “ada yang melampaui cerapan inderawi”. Malah, dalam hikayat tersebut tidak banyak kata pinjaman bahasa Arab yang dikesan, hanya terdapat 26 perkataan mengikut daftar kata yang disusun oleh Russell Jones yang dilampirkan dalam edisi mewah hikayat tersebut.

Kata pinjaman bahasa Arab yang sepadan dengan “ada” ialah “wujud”. Kata ini tentunya lebih mesra dengan pandangan alam Islam. Hal ini disebabkan bahasa asal Islam ialah bahasa Arab. Makna “wujud” dalam bahasa Arab merangkumi wujud zahir dan wujud batin, wujud yang wajib (*wajibul wujud*) dan wujud yang mungkin (*mumkinul wujud*).

Kata “wujud” tidak dikesan dalam *Hikayat Raja Pasai*. Kata yang dipakai dalam hikayat tersebut ialah “ada” yang bersinonim dengan kata Arab itu. Kata “wujud” hanya dikesan muncul dalam manuskrip terjemahan *Aqa'id al-Nasafi* dan dalam karya-karya para ilmuwan di Aceh Dar as-Salam pada abad ke-16, 17 dan 18. Artinya, walaupun kata “ada” dan “wujud” bersinonim, tetapi kata “wujud” muncul lebih kemudian daripada “ada”.

Dua perkataan atau istilah yang dipaparkan itu sekurang-kurangnya berupaya menjadi bukti, walaupun sangatlah longgar, tentang adanya dua jalur pengislaman bahasa Melayu.

### Pengislaman Bahasa Suatu Peristiwa Menegak

Dua jalur pengislaman bahasa Melayu ialah peristiwa menegak, bukan peristiwa mendatar. Namun begitu, pernyataan ini tidak menolak adanya sifat yang mendatar itu. Pemisahan menegak-mendatar dibuat bertujuan menunjukkan proses yang berperingkat-peringkat dalam peristiwa pengislaman di Alam Melayu. Hal ini tentunya secara tidak langsung turut membayangkan keunikan tatacara yang dipakai para ulama silam dalam usaha mereka mengislamkan umat Melayu. Akan tetapi, pemisahan menegak-mendatar tidak hanya sebatas tujuan praktis. Pemisahan menegak-mendatar turut disulami tujuan teoritis. Maksudnya, pemisahan itu dibuat berikutan natijah teoritisnya.


Berhubung dengan perkara ini, pengislaman makna dan penyerapan istilah secara serentak bakal menimbulkan kekeliruan kepada penutur sasaran. Alasannya ialah bahasa dipacu oleh sistem nilai. Sebelum

berlakunya pengislaman, sistem nilai yang dipegang kemas sebelumnya pastilah tersekap mesra dalam bahasa berkenaan. Memasukkan sistem nilai lain melalui makna dan istilah secara serentak menatijahkan percampuradukkan antara sistem nilai baharu dengan lama.

Sifatnya yang menegak bererti peristiwa pengislaman bahasa Melayu tidak berlaku secara serentak dalam sesuatu zaman tertentu. Sebaliknya, peristiwa itu berlaku secara berperingkat-peringkat dalam zaman yang berlainan.

Huraian ringkas di atas memang secara tidak langsung mengungkapkan sifat pengislaman bahasa Melayu yang berperingkat itu. Dalam hal peristiwa menegak, dapat dikatakan bahawasanya jalur pertama berlaku terlebih dahulu. Kemudiannya, baharulah diikuti oleh jalur kedua.

Tentunya, bukti etimologi menjadi sandaran paling kukuh kepada tanggapan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui etimologi, dapat dikesan tarikh kemasukan sesuatu perkataan asing ke dalam bahasa Melayu.



Jikalau tarikh kemasukan perkataan daripada bahasa Arab lebih kemudian daripada tarikh kedatangan Islam, maka tanggapan tersebut benar. Dan, jikalau sebaliknya, maka tanggapan tersebut meleset.

Namun begitu, suatu hal yang amat dikesali bahawa keterbatasan ruang menghalang penjejakan etimologi secara mendalam dan terperinci. Bukan sekadar itu, ketebalan halangan ditambah dengan kabut yang melitupi lorongnya terasa semakin sukar dilalui apatah lagi ditembusi disebabkan ketiadaan kamus etimologi yang muktabar melainkan beberapa buah yang disusun oleh Russel Jones dan rakan-rakannya dari Indonesia, serta pangkalan data yang mengandungi maklumat umum etimologi bahasa Melayu yang diikhtiarkan mendiang Ian Proudfoot.

Sandaran pada tanggapan adanya dua jalur yang membentuk peristiwa menegak pengislaman bahasa Melayu dibina dengan hanya berasaskan dua perkataan yang dipaparkan sebelum ini. Memang diakui bahawasanya

tatacara pembuktian begini terlalu lemah. Walaupun lemah, namun hal yang sedemikian ini tetap memadai untuk mengukuhkan tanggapan tersebut, sekurang-kurangnya sehingga dilakukan penyelidikan yang lebih beristem dan mendalam. Tentunya tulisan ini bukanlah dikarang untuk membicarakan peristiwa sejarah pengislaman bahasa Melayu secara mendalam.

Dari satu sisi, pembicaraan akan hal tersebut tidak layak untuk dilakukan oleh penulis memandangkan betapa ramainya ilmuwan yang lebih beribawa untuk membicarakannya. Namun begitu, dari satu sisi yang lain, hal yang sebenarnya bukanlah demikian. Akan tetapi, peristiwa sejarah pengislaman bahasa Melayu memang telah banyak dibicarakan dalam karya-karya grafisejarah Alam Melayu dan grafisejarah linguistik bahasa Melayu. Maka, tidak perlulah penulis mengulangi faktanya di sini.

Namun demikian, peristiwa tersebut perlu dibincangkan lagi memandangkan ada isu yang menarik, sekurang-kurangnya kepada penulis, tentang hal tersebut yang tercermin dalam pertanyaan-pertanyaan yang berikut, iaitu mengapakah pengislaman bahasa Melayu berlaku dalam dua jalur yang tidak secara serentak tetapi berperingkat? Jikalau benarlah demikian, maka mengapakah pengislaman perlu menyentuh tatanan makna terlebih dahulu kemudian menyerapkan istilah-istilah bersumberkan Islam? Apakah dengan penumpuan pada jalur pertama lebih memudahkan penerimaan faham Islam berbanding dengan penumpuan pada jalur kedua? DB